

11 MAY 1997

Zahid-Pemuda

KEUTAMAAN PEMUDA PERLU JELAS, KATA ZAHID

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi mahu anggota pergerakan itu menetapkan keutamaan yang jelas dalam menangani masalah sosial kerana mereka menjadi harapan rakyat.

Beliau berkata tiada gunanya anggota pergerakan itu melaung-laungkan isu sosial seperti keruntuhan moral dan politik wang jika pada masa yang sama mereka turut terlibat.

"Jangan asyik berbicara soal keruntuhan moral tetapi pada masa yang sama kita turut menjadi pihak yang bertanggungjawab menggalakkan kebejatan sosial," katanya dalam keluaran terbaru majalah "Pemuda" yang diedarkan kepada anggota Umno yang menghadiri forum "Pengkisahan Sejarah Umno" sempena ulangtahun ke-51 penubuhan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Forum anjuran pergerakan itu turut dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno.

Ahmad Zahid, yang juga seorang daripada kolumnis majalah itu, berkata: "Jika orang asyik bercakap tentang gejala rasuah politik, Pemuda mesti berani menolak dan menentang mana-mana pihak yang cuba menggadai maruah politik kerana wang dan kebendaan."

Katanya segala bentuk pencegahan kemungkaran tidak akan tercapai sekiranya Pemuda Umno sendiri terus bergelut dengan kemungkaran, tidak ikhlas dalam perjuangan dan sentiasa menantikan habuan dalam setiap amalan.

"Percayalah, jika ini yang menjadi tabiat antara kita, perjuangan bangsa dan negara untuk mendaulatkan Tamadun Melayu akan hancur," katanya dalam penulisan bertajuk "Tinggalkan Retorika Politik" yang menghiasi lima daripada 50 muka surat majalah itu.

Ahmad Zahid berkata Pemuda Umno mestilah menjadi tempat rakyat meletakkan harapan untuk menegakkan kebenaran dan mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

Katanya mereka perlu berani memperlihatkan imej diri dan kepimpinan yang bersih.

"Bersih dalam erti kata yang sebenar. Bersih daripada maksiat dan juga bersih hati dalam menjalankan amanah yang dipikul," katanya.

Ahmad Zahid berkata anggota pergerakan itu perlu menilai semula matlamat mereka menjadi pemimpin tidak kira di peringkat mana sekalipun.

"Apakah kita menjadi pemimpin kerana kita melihat ada ruang untuk kita melakukan pembaharuan yang boleh membawa keuntungan kepada masyarakat atau kerana kita telah menghidu peluang untuk memuaskan keserakahan nafsu kita," katanya.

Katanya kesedaran itu penting kerana Pemuda Umno tidak boleh dilihat sebagai "melepaskan batuk di tangga" dalam menjalankan aktivitinya berikutan terdapat pemimpin yang hanya mementingkan diri sendiri sehingga gagal mencerna kecemerlangan rakyat dan parti.

Ahmad Zahid berkata, pergerakan itu kini mempunyai 22 buah majlis yang dengan sendirinya mempunyai tanggungjawab besar memangkinkan reformasi dan menggerakkan Pemuda Umno agar benar-benar dilihat serta menjadi tempat bergantungnya masyarakat demi kepentingan agenda Melayu.

"Kita tinggalkan retorika politik. Kita gerakkanlah perjuangan kita di atas landasan yang bersifat action-oriented (yang berteraskan tindakan)," katanya. -- BERNAMA

AH MAI

